

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 10/2010

=====

TATACARA PEMBERIAN DAN TUNTUTAN GANJARAN BAGI BARANG
RAMPASAN YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI PENGELUARAN
PASIR SECARA TIDAK SAH DI NEGERI SELANGOR

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengenai **kaedah atau tatacara pemberian dan tuntutan ganjaran bagi barang rampasan yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah** di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2010 yang diadakan pada 16 Jun 2010 telah bersetuju agar ganjaran sehingga RM5,000.00 diberikan kepada mana-mana individu atau pasukan yang berjaya merampas barang / jentera yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah.
- 2.2 Sehubungan itu, Pengarah Tanah dan Galian Selangor dikehendaki menyediakan satu tatacara yang jelas bagi melaksanakan pemberian dan tuntutan ganjaran seperti mana yang telah diputuskan oleh MMKN tersebut.

3. KAEDAH PEMBERIAN DAN TUNTUTAN GANJARAN

3.1 Pertimbangan bagi pemberian ganjaran adalah mengambilkira fungsi peralatan-peralatan yang dirampas dalam aktiviti pengeluaran pasir.

3.2 Kaedah Pemberian Ganjaran

Kaedah pemberian ganjaran untuk peralatan yang dirampas mengikut klasifikasi seperti berikut –

3.2.1 Peralatan Utama

JENIS PERALATAN	JUMLAH GANJARAN
Mesin Penggali (<i>Excavator / JCB</i>)	RM5,000.00 / unit
<i>Ruston Bucyrus Crane</i> (RB)	RM5,000.00 / unit
Ponton (Mesin Penyedut Pasir)	RM5,000.00 / unit
Lori Pasir / Lori Hantu	RM2,500.00 / unit
Traktor	RM2,500.00 / unit
Pam Pencuci Pasir	RM2,000.00 / unit

3.2.2 Peralatan Sokongan

JENIS PERALATAN	JUMLAH GANJARAN
<i>Generator</i> (bergantung pada saiz)	RM100.00 - 500.00 / unit
Komputer dan Mesin Pencetak	RM250.00 / unit
Kabin (bergantung kepada keadaan fizikal)	RM150.00 - 500.00 / unit
Alat Perhubungan (Walkie-Talkie dan Telefon Bimbit)	RM 100.00 / unit
Lain-lain peralatan	Akan ditentukan kemudian

3.3 Kaedah Tuntutan Ganjaran

Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS), mematuhi tatacara dan dan memenuhi syarat seperti berikut –

3.3.1 Tuntutan yang dibuat oleh pegawai / anggota penguatkuasa atau orang awam hendaklah menggunakan **Borang A** melalui Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan, kecuali tuntutan ganjaran oleh pegawai / anggota penguatkuasa PTGS hendaklah dikemukakan terus kepada Pengarah Tanah dan Galian Selangor;

- 3.3.2 Setiap barang rampasan hendaklah diletakkan di kawasan yang dikhaskan dan diwartakan. Tuntutan hanya layak dibuat apabila barang rampasan diletakkan di kawasan yang dimaksudkan;
- 3.3.3 Setiap barang rampasan yang dikemukakan untuk tuntutan ganjaran hendaklah diringi dengan dokumen-dokumen yang diperlukan di dalam Borang A atau Borang B, yang mana berkenaan;
- 3.3.4 Pentadbir Tanah Daerah berkenaan perlu mengemukakan **Borang B** kepada Pengarah Tanah dan Galian Selangor dalam tempoh dua (2) hari bekerja daripada tarikh aduan diterima daripada orang awam atau pegawai / anggota penguatkuasa;
- 3.3.5 Pengarah Tanah dan Galian Selangor hanya akan memperakui permohonan yang lengkap. Permohonan yang tidak lengkap akan dipulangkan semula kepada Pentadbir Tanah Daerah berkenaan;
- 3.3.6 Semua permohonan yang diperakui akan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk tujuan pembayaran;
- 3.3.7 Pembayaran akan dibuat melalui Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan. Orang awam dan kakitangan yang berkenaan perlu berhubung terus dengan Pentadbir Tanah Daerah untuk mendapatkan ganjaran yang diluluskan; dan

3.3.8 Pentadbir Tanah berhak menentukan jumlah ganjaran yang wajar diberikan kepada pengadu, mana-mana individu atau pegawai / anggota penguatkuasa yang terlibat dengan perampasan atau penahanan barang-barang yang dimaksudkan.

4. TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini terpakai **bagi semua barang rampasan yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah yang telah dirampas atau disita pada atau selepas 1 Januari 2010.**
- 4.2 Pelaksanaan arahan dan tatacara di dalam pekeliling ini **berkuat kuasa serta merta dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.**


(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 20 Ogos 2010